

03 FEB 2001

Mahathir-Perhimpunan

MAHATHIR TERIMA MAKLUMAT ADA PIHAK MAHU KACAU PERHIMPUNAN

PUTRAJAYA, 3 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau menerima maklumat terdapat pihak tertentu bercadang mengadakan demonstrasi untuk mengganggu perhimpunan "Takkan Melayu Hilang Di Dunia" anjuran Badan Bertindak Melayu (BBM) esok.

"Saya dengar orang lain hendak buat demonstrasi juga, nak kacau yang ini (perhimpunan BBM), betul tak betul saya tak tahulah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan Penolong Pengarah Bahagian Dasar dan Korporat, Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) V. Valluvan di Dewan Serbaguna Presint 8 di sini hari ini.

Katanya, kumpulan berkenaan bercadang menyertai perhimpunan itu sekiranya diadakan secara terbuka dan kemudiannya menimbulkan kekacauan.

"Ada orang, kalau buat terbuka macam itu, mereka hendak masuk buat kacau, nak keluar sepanduk dan sebagainya," katanya.

Dr Mahathir berkata, kumpulan berkenaan yang sering mengadakan demonstrasi tidak mahu pihak lain demonstrasi mengenai perkara yang mereka tidak persetujui.

Katanya, polis tidak mengeluarkan permit untuk perhimpunan itu yang pada mulanya dijadualkan diadakan secara terbuka di padang Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Baru di Kuala Lumpur, bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

Polis semalam meluluskan permit perhimpunan itu dengan syarat ia diadakan di tempat tertutup.

BBM kemudiannya memutuskan untuk mengadakan perhimpunan itu, yang bertujuan mengumpul pelbagai lapisan masyarakat Melayu bagi membincangkan perkara berkaitan perkembangan bangsa Melayu, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra.

Dr Mahathir berkata perhimpunan itu tidak membabitkan Umno walaupun terdapat beberapa anggota parti itu yang bercadang menyertainya.

"Kita tidak bagi orang Umno ambil bahagian, tapi ada juga orang Umno nak ambil bahagian, itu kita tidak boleh buat apalah," katanya.

-- BERNAMA

RZS ZAI AZZ RI